

# Politik stabil bolehkan

**P**HULU LANGAT 23 Julai — Malaysia boleh bersuara lantang di arena antarabangsa setelah membuktikan kepada

dunia bahawa ia memiliki sistem politik yang stabil dan kuat, kata ~~Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad~~ hari ini.

Katanya, dengan kestabilan yang negara nikmati sekarang, suara Malaysia didengari dan dihormati.

"Pendek kata, apabila kita sudah bagus di dalam negeri, bila kita cakap keras sedikit di pentas dunia, siapapun tidak

## kita lantang — PM

boleh berkata apa," ujarnya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin parti komponen Ba-

risan Nasional (BN) Negeri Selangor di sini petang ini.

Perjumpaan itu diadakan sempena pelancaran program

Kampungku, Kumpulan K3P Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung pada sebelah pagi.

Dr. Mahathir berkata, sebab itulah, Malaysia berjaya mendapat pengiktirafan antarabangsa dan yang paling terbaru ialah pemilihan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 1998.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri memanglah amat mudah untuk bercakap dengan lantang di peringkat dunia kerana apa yang perlu dilakukan ialah membuka mulut dan mengerakkan lidah.

"Tetapi bukanlah mudah bercakap jika kemajuan negara kita tidak setanding dengan apa yang cuba kita lafazkan di peringkat dunia...kerana orang tidak akan pandang kita.

"Sebenarnya kita dapat mencapai ini semua kerana negara kita stabil, politik kita kukuh, tidak ada kacau bilau, tidak ada persengketaan dan tidak ada pertumpahan darah antara kaum.

"Apa yang telah berjaya kita lakukan ialah memperkukuh sistem ekonomi kita sehinggalah kita menjadi antara negara membangun yang paling cepat maju di tengah-tengah dunia ketiga," kata Dr. Mahathir.

Menurut beliau, satu lagi faktor yang membawa kejayaan Malaysia ialah kerana rakyatnya hidup serba sederhana, sanggup bertolak ansur dan bekerjasama tanpa mengira kaum.